



BILANGAN 03 DIBUNUH NADIM



Namun, dek iri hati juga, para pembesar menghasut raja agar dibunuh Nadim kerana kepintarannya.....



Selepas Nadim dibunuh, Singapura dilanggar Majapahit.

Frasa kerja “dibunuh Nadim” memberi gambaran bahawa Nadim merupakan pelakunya atau ada sesuatu atau seseorang yang dibunuh Nadim. Sekali gus, ayat yang mengandungi frasa tersebut ialah ayat pasif kerana pelakunya terletak di belakang kata kerja ‘dibunuh’.

Samalah seperti petikan di sebelah kiri anda. Pelakunya ialah raja. Rajalah yang dituntut para pembesar agar melakukan pembunuhan ke atas Nadim. Apabila pelakunya terletak di hadapan kata kerja, maka ayat tersebut berjenis ayat aktif.

Jadi ayat tersebut hendaklah ditulis begini:

01 Namun, dek iri hati juga, para pembesar menghasut raja agar **membunuh Nadim** kerana kepintarannya.....

atau

02 Namun, dek iri hati juga, para pembesar menghasut raja agar **Nadim dibunuh** kerana kepintarannya.....

Petikan kedua, mengandungi ayat yang benar. Nadim dianggap sebagai penderita, bukan pelaku. Begitu juga dengan klausa Singapura dilanggar Majapahit. Singapura sebagai penderita dan pelakunya pula ialah Majapahit.